

Persediaan Thesis:

Tajuk:- Pakaian Wanita Melayu Semenanjung Malaysia Umumnya Berdasarkan Pengaruh Islam.

Kepada:- Puan Zaiton Jalaluddin,  
Ketua Jabatan Senireka Fesyen,  
Kajian Senilukis Dan Senireka,  
ITM, Shah Alam, Selangor.

Tarikh:- .....

Disediakan oleh:- Rahimawati Abdul Rahim,  
Jabatan Senireka Fesyen,  
Kajian Senilukis Dan Senireka,  
K.P. ITM-85200060.

Penasihat:- Cik Kalsom Muda.

Diluluskan oleh:-

.....  
( Puan Zaiton Jalaluddin )  
Ketua Jabatan Senireka Fesyen.

.....  
( Cik Kalsom Muda )  
Penasihat.

## Pendahuluan dan penghargaan.

Alhamdulillah, dengan rasa syukur kepada Allah S.W.T. dan dengan rahmatnya thesis saya yang bertajuk pakaian wanita melayu moden Semenanjung Malaysia umumnya berdasarkan pengaruh Islam telah dapat saya selesaikan dengan selamatnya.

Saya memilih tajuk pakaian wanita sebagai bahan kajian saya kerana kaum wanita adalah golongan yang paling utama dan kuat pengaruhnya terhadap pakaian. Tajuk ini juga bersesuaian dengan kursus yang saya ambil dan diharapkan dengan pengetahuan yang ada sebagai seorang pelajar senireka fesyen ini dapat menolong saya menyiapkan thesis ini.

Dewasa ini tidak dapat dinafikan terdapat ramai wanita Islam yang berkecimpung didalam berbagai bidang. Yang menjadi persoalan sekarang ialah pakaian bagi wanita tersebut apabila keluar rumah. Didalam apa jua keadaan sekalipun, samada miskin ataupun kaya, tua atau muda, tinggi atau rendah darjatnya seseorang wanita itu, naluri untuk berpakaian cantik dan terbaik sentiasa wujud. Jadi dengan adanya thesis ini adalah diharapkan dapat menjadi panduan pada wanita melayu yang berugama Islam supaya berpakaian tidak melulu dan tanpa memikirkan batas-batas yang telah ditentukan oleh hukum Islam supaya kaum wanita yang kita sayangi tetap selamat dan direndai Allah di dunia dan akhirat.

Tajuk : Pakaian Wanita Melayu Moden Semenanjung Malaysia

Umumnya Berdasarkan Pengaruh Islam.

Pendahuluan	Mukasurat.
Bab - I - Latarbelakang Sejarah	I - 3
- Siapakah orang Melayu	4 - 5
- Wanita	6 - 7
- Wanita Di kawasan Bandar	7 - 8
- Wanita Luar Bandar	8 - II
Bab - 2 - Asal-usul Pakaian	I2 - I4
- Pakaian Mengikut Konsep Islam	15 <del>et</del> 24
Bab - 3 - Definasi Islam	22 - 24
- Kedudukan Wanita Di dalam Islam	25 - 26
- Tanggungjawab Wanita Menurut Islam	27 - 28
Bab - 4 - Jenis-jenis Pakaian Tradisional Wanita Melayu	29 - 6I
- Pakaian Wanita Melayu Moden	62 - 64
- Jenis-jenis Pakaian Wanita Barat	65 - 73
- Jenis-jenis Pakaian Wanita Islam	74 - 82
Bab - 5 - Bentuk, Warna, Texture ( corak ), Material Dan Hiasan Dalam Pakaian.	83 - 90

### Latarbelakang Sejarah.

Istilah melayu dalam konteks ras termasuklah pri-bumi di Sabah dan Serawak serta merupakan ras yang keli-ma besarnya di dunia. Daerah alam melayu sangat luas, baik dalam kontek ahli ilmu pengetahuan dulu dan konsep UNESCO sekarang yang meliputi kawasan Malaysia, Filipina, Thailand dan Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik ( Polynesia, Malaysia dan Oceania ).

Makna melayu itu adalah dari perkataan Mala dan Yu. 'Mala' bermaksud mula dan 'Yu' membawa erti negeri. Oleh itu melayu memberikan erti mula negeri. Jadi ini memberi-kan maksud bahawa negeri yang mula-mula sekali atau negeri yang timbul setelah tenggelam. Mengikut bahasa tamil pula 'Malai' bermaksud ' hujan' dan 'melayur' bererti Tanah Tinggi. Oleh itu perkataan tadi membawa maksud Tanah Tinggi.yang banyak hujan bersesuaian dengan terjumpanya ne-geri melayu di atas bukit. Mengikut bahasa sanskrit pula 'Malaya' adalah bererti nama bagi sejenis pokok wangi yang dibuat gaharu, malah dikatakan juga bahawa malaya pada masa itu terkenal dengan membuat gaharu.

Mengikut seorang pengkaji yang bernama Kern, menga-takan bahawa bangsa melayu adalah suatu rumpun bangsa po-lynesia. Malah sebahagian besar para pengkaji mengatakan bahawa asal-usul bangsa melayu adalah terdiri dari Benua Asia yang berhijrah dari satu tempat ketempat lain melalui Sumatra, Semenanjung Tanah Melayu, Jawa, Bali, Lombok dan

---

1) Asas Falsafah Kebangsaan Melayu oleh Professor Dr. Burhanuddin Elhulaimy.

Sumbawa. Ianya kemudian tersebar ke Asia Tenggara Benua Amerika Selatan, P.Famosa dan New Zealand disebelah selatan. Dari sinilah adat resmi melayu tulin berkembang dan menjadi pegangan sampai kehari ini.

Perkembangan kebudayaan melayu telah melalui empat zaman iaitu zaman prasejarah, zaman hindu, zaman Islam dan zaman kedatangan barat. Permulaan kurun masihi, alam melayu terdedah kepada pedagang-pedagang luar terutama pedagang India dan China. Kedatangan mereka telah membawa perubahan dalam setiap bidang baik dari segi keadaan sosial, ekonomi dan politik Tanah Melayu.

Pengaruh hindu merupakan pengaruh yang memberikan kesan utama dalam ragam hias melayu. Banyak adat istiadat orang-orang melayu telah diambil dari adat hindu. Sesudah itu kedatangan pengaruh Islam ke Tanah Melayu juga telah mengubah corak kehidupan orang-orang melayu. Ugama Islam tersebar dengan luasnya di Kepulauan Melayu. Setelah pemelukan raja-raja kesultanan melayu, ugama Islam telah menjadi ugama resmi Tanah Melayu. Dengan kemasukan ugama Islam yang pesat, penduduk Tanah Melayu mula berpakaian menutup aurat. Selepas itu muncul pula pengaruh barat. Ini berlaku selepas perang dunia kedua. Pengaruh barat muncul ke Tanah Melayu dan mengubah fesyen dan rupabentuk pakaian tradisional orang-orang melayu kepada berbagai trend yang kini sudah digemari oleh wanita-wanita sekarang.